

# PM: Putrajaya lambang kejayaan tempatan

Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 7 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Putrajaya sebagai lambang kejayaan para profesional pembinaan tempatan yang wajar dibanggakan oleh semua pihak di negara ini.

Berucap merasmikan Menara PJH, satu lagi mercu tanda Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Perdana Menteri turut memberi penghormatan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pencetus idea pembangunan Putrajaya dan Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin yang bertanggungjawab merealisasikannya.

"Kita berbangga sekali dengan pembinaan oleh syarikat-syarikat tempatan yang menggunakan 80 peratus peralatan binaan tempatan.


"Putrajaya ini menjadi lambang kejayaan para profesional negara dan wawasan pemimpin kita yang mencadangkan supaya ia dibina.

"Orang yang banyak jasa itu tentu sekali ialah Tun Dr. Mahathir dan Allahyarham Azizan," katanya pada majlis perasmian menara itu, bangunan pejabat swasta pertama di Putrajaya di Presint 2 di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd. Isa Samad dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman.

Menara 10 tingkat itu menempatkan ibu pejabat korporat Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., pemaju utama Putrajaya dan beberapa pelanggan korporat lain termasuk bank, syarikat persendirian, selain beberapa agensi kerajaan.

Menurut Abdullah, jasa para pemimpin yang bertanggungjawab mencetuskan pembangunan di Put-



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menekan butang perasmian Menara PJH sambil diperhatikan oleh Pengerusi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., Ishak Imam Abas (kiri) dan Ketua Pengawai Eksekutifnya, Mohd Othman Zainal Azim pada majlis perasmian menara itu di Presint 2, Putrajaya, semalam.

rajaya terutamanya Dr. Mahathir dan Azizan selaku bekas Presiden Perbadanan Putrajaya amat dihargai dan akan sentiasa dikenang.

"Tentu sekali yang banyak jasanya, terutamanya Dr. Mahathir dan Azizan kita ucapkan berbilang terima kasih dan kita harap mereka yang ada sekarang dapat meneruskan pembangunan di sini," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau berharap perpindahan Putrajaya Holdings ke bangunan baru itu akan mempercepatkan lagi proses pembangunan di pusat pentadbiran itu.

"Dengan lokasi pejabat

Putrajaya Holdings yang lebih dekat dengan tapak tapak pembinaan ini, kita harap pembangunan di Putrajaya akan lebih rancak, lebih elok dan lebih baik lagi," ujarnya.

Abdullah berkata, pembinaan Menara PJH dan beberapa bangunan pejabat swasta lain di sekitar kawasan tersebut diharapkan dapat menukar imej Putrajaya daripada bandar eksklusif untuk kakitangan kerajaan kepada bandar yang dibangunkan untuk sama-sama dinikmati oleh kakitangan swasta juga.

"Selepas ini bolehlah kita anggap Putrajaya bukannya dibangunkan untuk

penduduk-penduduk di sini sahaja, tetapi juga untuk kakitangan swasta dan juga rakyat biasa untuk muncul sebagai pusat pembangunan yang indah," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, sekarang ini Putrajaya tidak lagi dianggap sebagai sebuah bandar mati yang membosankan, tetapi turut dikenali sebagai pusat pelancongan yang menarik.

"Selain itu, bandar ini juga menjadi lokasi pengedaran sukan-sukan antarabangsa serta tempatan dan ini menambahkan lagi jumlah pengunjung," ujar beliau.

Abdullah turut menyata-

kan bahawa beliau secara peribadi amat berbangga dengan pembangunan di Putrajaya, sama seperti Dr. Mahathir yang amat menghargai pembangunan bandar tersebut.

"Masa zaman Tun Dr. Mahathir dahulu, beliau sentiasa melihat pemandangan Putrajaya sama ada dari tingkat lima di pejabatnya atau di tingkat empat dari dewan mesyuarat jemaah Menteri.

"Dia kata dia sudah jadi seperti ketagih untuk melihat pemandangan di Putrajaya ini," ujar Perdana Menteri.